



# مجلس دائره كريك MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak  
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my  
Portal rasmi: www.gerik.gov.my

Bil.(56) dlm.M.D.Gk/(P)13/84.Pt.IX 30/2001 (Jld.3)

## **NOTIS KERJA SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH GERIK BIL 1/2024**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dalam Gred/Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

- **SEPERTI DI LAMPIRAN A YANG BERKEPIL** -

2. Borang-borang sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakilnya yang sah sahaja. Kontraktor atau wakilnya hendaklah membawa **dokumen ASAL Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera.**
3. Segala butiran kerja serta borang sebut harga boleh dibeli semasa waktu pejabat di **Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Gerik** mulai dari **18/04/2024 sehingga 24/04/2024** dengan bayaran seperti dinyatakan. **LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**. Hanya kontraktor yang menyertai lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli borang sebut harga.

Waktu Kaunter Jualam :

Isnin – Khamis	9.00 pg – 12.00 tgh 2.30 ptg – 4.00 ptg	Jumaat	9.00 pg – 12.00 tgh 3.00 ptg – 4.00 ptg
----------------	--	--------	--

4. **Semua borang sebut harga dan Profail Syarikat** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di pejabat ini sebelum atau pada jam **12.00 tengahari** pada **KHAMIS** bertarih **25/04/2024**. **Profail Syarikat hendaklah lengkap mengandungi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera, senarai pengalaman kerja, penyata bank/kewangan syarikat (3 bulan terakhir), organisasi syarikat dan lain-lain maklumat penting.**
5. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

6. Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa rasuah suapan kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Awam, mana pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan jenayah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
7. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.
8. Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada bayaran berkaitan ini walaupun kerja dibuat atau tiada barang yang dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI“**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AHMAD FAZRIL BIN RAMLI)**

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Gerik

Bertarikh : **9 APRIL 2024**

**PERINGATAN KEPADA KONTRAKTOR**

**LAWATAN TAPAK**

1. HANYA PENAMA DALAM DAFTAR SIJIL CIDB, PPK & SPKK SAHAJA YANG DIBENARKAN MEMBUAT LAWATAN TAPAK. WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.

**MEMBELI BORANG SEBUT HARGA**

1. HANYA KONTRAKTOR YANG MENGHADIRI LAWATAN TAPAK SAHAJA YANG AKAN DIBENARKAN MEMBELI BORANG.
2. SEMUA KONTRAKTOR YANG HENDAK MEMBELI BORANG HENDAKLAH MENYERTAI SIJIL ASAL PPK, SPKK & CIDB YANG SAH DAN KAD PENGENALAN ASAL KONTRAKTOR SEMASA HENDAKLAH MEMBELI BORANG SEBUTHARGA. HANYA PENAMA YANG SAMA SAHAJA DALAM SIJIL PPK, SPKK, CIDB DAN KAD PENGENALAN SAHAJA YANG DIBENARKAN UNTUK MEMBELI BORANG.
3. BAGI WAKIL KONTRAKTOR HENDAKLAH DISERTAKAN SURAT WAKIL KONTRAKTOR YANG SAH, DITANDATANGANI OLEH KONTRAKTOR ASAL DAN MENYERTAKAN NAMA PENUH DAN NOMBOR KAD PENGENALAN ORANG YANG DIWAKILKAN DALAM SURAT BERKENAAN DAN HENDAKLAH JUGA MEMBAWA SIJIL ASAL PPK, SPKK, CIDB KONTRAKTOR DAN KAD PENGENALAN ASAL ORANG YANG DIWAKILKAN SEMASA **HENDAK MEMBELI BORANG SEBUT HARGA.**
4. SEMUA SIJIL HENDAKLAH MASIH SAH SERTA TARIKH LUPUT TIDAK KURANG TIGA (3) BULAN DARI TARIKH TUTUP SEBUT HARGA IAITU PADA ATAU MELEBIHI **25 JULAI 2024.**

**NOTIS KERJA SEBUT HARGA MAJLIS DAERAH GERIK BIL 1/2024**

BIL.	TAJUK KERJA	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN	HARGA SENASKHAH	LAWATAN TAPAK
1.	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI SEMPADAN TAMAN SELAMAT MAJU DAN SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) BATU DUA, MD GERIK	G2	CE/CE06	RM10.00	DIWAJIBKAN pada 16 April 2024 (Selasa), Pendaftaran & Taklimat di SRJK(C) Batu Dua  Pendaftaran : 9.30 pagi – 10.30 pagi  Taklimat dan Lawatan Tapak bermula : 10.35 pagi
2.	KERJA-KERJA MENAIK TARAF LAMPU JALAN MENGUNAKAN LAMPU LED SEKITAR BANDAR GERIK, MD GERIK	G2/G3	ME/E06	RM10.00	DIWAJIBKAN pada 16 April 2024 (Selasa), Pendaftaran & Taklimat di Bilik Yang Dipertua, MDG  Pendaftaran : 3.00 petang – 4.00 petang  Taklimat dan Lawatan Tapak bermula : 4.05 petang
3.	PROJEK RAWATAN SISA KUMBAHAN SANITARI DI TASIK TEMENGOR	G3	CE/CE21	RM10.00	DIWAJIBKAN pada 17 April 2024 (Rabu), Pendaftaran & Taklimat di Jeti Amanjaya, Pulau Banding  Pendaftaran : 10.30 pagi – 11.30 pagi  Taklimat dan Lawatan Tapak bermula : 11.35 pagi

**\*PERINGATAN PENTING**

1. **HANYA PENAMA** DALAM DAFTAR SIJIL PPK, SPKK DAN CIDB SAHAJA YANG DIBENARKAN MEMBUAT LAWATAN TAPAK. **WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
2. KONTRAKTOR-KONTRAKTOR HENDAKLAH **WAJIB HADIR DALAM TEMPOH PENDAFTARAN SEPERTI DINYATAKAN DI LAMPIRAN A UNTUK SESI PENDAFTARAN** SEBELUM DIBENARKAN UNTUK MENDENGAR SESI TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK DAN SETERUSNYA MENYERTAI SEBUT HARGA INI. **SEBARANG ALASAN KELEWATAN ADALAH TIDAK DITERIMA.**
3. PIHAK MAJLIS BERHAK MENOLAK PENYERTAAN KONTRAKTOR DALAM SEBUT HARGA INI SEKIRANYA GAGAL MEMATUHI PERKARA-PERKARA DI ATAS DAN SYARAT-SYARAT TAWARAN SEBUT HARGA YANG LAIN.